

No. Sebut Harga : SUKJ/DNJ/SH/2022 (10)

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH**

1. Tender adalah dipelawa kepada pihak yang layak/ berminat untuk membeli Aset Alih seperti berikut:-

Bil.	Keterangan Aset Alih	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan	Deposit Tender	Harga Dokumen
1.	Toyota Fortuner 2.7V (P) A/T	JVK 3548	1	RM30,000.00	5% atau RM1,000.00	RM30.00

\* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada **01.12.2022** hingga **11.12.2022** di antara jam **8.00 pagi** hingga **5.00 petang** di **Bangunan sultan Ismail, Kota Iskandar.**
3. Tender akan ditutup pada **11.12.2022** jam **12.00 tengah hari.**
4. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-25) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 5. Tempoh sah laku tawaran adalah 90 hari bagi tender tempatan atau 120 hari bagi tender antarabangsa bermula dari tarikh tender ditutup.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul berlakri dan di tanda dengan No. Tender **SUKJ/DNJ/SH/2022 (10)** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

Unit Perolehan & Pengurusan Aset,  
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor  
Aras 2, Bangunan Sultan Ismail, 79680  
Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor.

6. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

## 7. SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN TENDER

- 7.1. Aset Alih akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
- 7.2. Penyebut Harga adalah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau tertakluk kepada maksimum RM1,000. Deposit Tender hendaklah dalam bentuk Wang Pos / Draf Bank / Jaminan Bank atas nama **Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor** (Kementerian atau Jabatan).
- 7.3. Tawaran tanpa / kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.
- 7.4. Semua aset alih adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
- 7.5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset alih yang telah dijual.
- 7.6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset alih seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut, cukai duti import dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- 7.7. Penyebut Harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit tender tidak akan dikembalikan.
- 7.8. Penyebut Harga yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.
- 7.9. Penyebut Harga yang berjaya bertanggungjawab ke atas Pengurusan dan segala kos pertukaran hak milik ke Jabatan Pengangkutan Jalan dan PUSPAKOM.
- 7.10. Penyebut Harga yang berjaya hendaklah memadam apa jua bentuk catatan / tanda / logo berkaitan Kerajaan Johor / Hak Kerajaan pada kenderaan tersebut.

Nota : Syarat-syarat tender boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.